


3rd KOLOKIUM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (KOSTI)

Disediakan Oleh: Nurul Izza Husin & Azrinawati Mohd Zin



Jabatan Sains Gunaan UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan 3rd KOLOKIUM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (KOSTI) pada September 2021. KOSTI telah bermula sejak tahun 2019 dan pada tahun ini ia merupakan penganjuran untuk kali ketiga. Program ini dianjurkan bagi memangkin dan menyemarakkan budaya penyelidikan dalam kalangan staf JSG kursusnya dan juga staf dari jabatan serta fakulti lain di UiTMCPP. Penganjuran ini juga adalah untuk mewujudkan satu wadah perkongsian mengenai kajian-kajian yang telah dilaksanakan.

Sebanyak 8 kertas kajian penyelidikan telah diterbitkan melalui Prosiding 3rd KOLOKIUM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (KOSTI). Semua kertas kajian tersebut merupakan kajian penyelidikan yang telah berjaya dilaksanakan oleh barisan penulis dan penyelidik di Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang.

Hasil penyelidikan ini telah menyumbang pelbagai ilmu pengetahuan baru dan membuka peluang kerjasama di antara para penyelidik di UiTM Cawangan Pulau Pinang. Penyelidikan yang dilakukan merentasi pelbagai bidang termasuk bidang sains, kejuruteraan dan inovasi.



Prosiding dan Buku Abstrak 3rd KOSTI ini boleh dilayari di <https://bit.ly/3rdKOSTI>.